

**PERLAKSANAAN RUKHSAH DALAM IBADAT:
SATU KAJIAN DALAM PERKHIDMATAN
KETENTERAAN**

MUHAMMAD RAMZI BIN OMAR

JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A510145621

Dimikrofiksas pada..... 06.09.2003
No. Mikrofis..... 15302
Jumlah Mikrofis..... 5

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI
UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA
U.P.R.

**PERLAKSANAAN *RUKHSAH* DALAM IBADAT:
SATU KAJIAN DALAM PERKHIDMATAN
KETENTERAAN**

Oleh:
MUHAMMAD RAMZI BIN OMAR

**DISERTASI INI ADALAH UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA SYARIAH
JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1999**

ABSTRAK

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan untuk dicapai. Antaranya ialah untuk menunjukkan kesyumulan syariat Islam yang dapat bertahan pada setiap masa dan tempat dan untuk membuktikan beberapa aspek rukhsah dalam syariat Islam sebagai kayu ukuran tentang kesesuaian fiqh Islam sepanjang masa dan tempat serta menjadikannya sebagai laluan untuk diperlakukan dalam dunia ketenteraan. Di antara aspek yang dikaji ialah asas-asas Syariat Islam. Ini bertujuan bagi memastikan bahawa setiap rukhsah syara^c dalam fiqh Islam sebenarnya bertitik tolak daripada asas-asas tersebut dan segala contoh serta cadangan yang diberikan adalah tidak lari daripada bersumberkan kepada prinsip-prinsip umum syariat Islam. Bagi memudahkan kajian ini penulis memfokuskan perbincangan dalam bentuk pengkhususan tajuk tertentu kepada setiap bab.

Perkara utama yang hendak disampaikan dalam kajian ini ialah tentang konsep rukhsah yang terdapat dalam fiqh Islam dan bagaimana ia boleh disesuaikan dengan perkhidmatan ketenteraan. Memandangkan rukhsah merupakan salah satu elemen tentang kemudahan yang terdapat dalam syariat Islam maka perbincangan dalam kajian ini dimulakan dengan menyebutkan asas-asas syariat Islam sebelum membincangkan secara langsung perkara-perkara yang berkaitan dengan rukhsah. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang objektif kajian ini penulis memfokuskan kajian kepada berbagai pandangan mazhab tetapi kebanyakannya dikhurasukan kepada mazhab yang empat di dalam Ahl al-sunnah wa al-jamā'ah. Pengkhususan kepada mazhab yang empat adalah berdasarkan amalan kebanyakan umat Islam di Malaysia. Tumpuan kajian ini adalah kepada kitab-kitab utama di dalam mazhab-mazhab tersebut di samping rujukan-rujukan semasa oleh ulama-ulama terkemudian dan hasil-hasil penulisan berkaitan ketenteraan serta temubual dengan beberapa tokoh Angkatan Tentera Malaysia.

Dari aspek perlaksanaan rukhsah dalam perkhidmatan Angkatan Tentera, kajian ini mempunyai kepentingan untuk mencari jalan keluar kepada krisis

penghayatan agama di kalangan sesetengah anggota tentera lantaran kejahilan untuk melaksanakan tuntutan agama dalam bentuk yang mudah sebagai satu anugerah yang terdapat dalam syariat Islam. Sungguhpun contoh-contoh rukhsah yang disebutkan dalam kajian ini adalah contoh yang sering didengar dan diketahui oleh masyarakat umum namun terdapat beberapa perkara yang masih menjadi kekeliruan di kalangan orang ramai tentang tahap untuk beramal dengan sesuatu rukhsah yang disyariatkan, terutamanya dalam masyarakat Angkatan Tentera. Sehubungan dengan itu penulis merasakan adalah perlu perkara ini diketengahkan dengan harapan ia akan menjadi laluan kepada penerokaan yang lebih meluas tentang aspek-aspek ibadat yang berupaya menimbulkan minat para anggota tentera untuk menghayatai ajaran agama Islam yang murni ini.

Dari aspek yang lain penulis merasakan adalah menjadi satu tanggungjawab untuk menjelaskan tentang kekeliruan masyarakat Islam terhadap kepelbagaiannya aliran-aliran (mazhab) dalam Islam sehingga menimbulkan kesan yang negatif di kalangan sesetengah pihak. Keterikatan dengan satu pandangan mazhab dan kejumudan untuk menerima pandangan-pandangan daripada mazhab lain merupakan salah satu faktor kelesuan perkembangan fiqh Islam yang dikatakan berupaya mengharungi segenap keadaan masa dan tempat. Oleh itu dalam hal ini satu penjelasan berkaitan konsep bermazhab dan bertaqlid perlu dikemukakan dengan memetik pandangan tokoh-tokoh mazhab itu sendiri agar mayarakat dapat melihat apakah maksud sebenar di sebalik lahirnya mazhab-mazhab yang berbagai-bagai.

Setelah memahami tentang konsep kepelbagaiannya pendapat dalam fiqh Islam maka laluan untuk mengemukakan beberapa persoalan tentang rukhsah dalam fiqh Islam untuk diimplementasikan di kalangan masyarakat khususnya masyarakat Tentera menjadi semakin mudah. Dalam hal ini penulis akan memberikan beberapa contoh rukhsah-rukhsah yang akan dicadangkan perlaksanannya dalam Angkatan Tentera dalam bentuk perbincangan mendalam melalui analisis terhadap kepelbagaiannya pendapat tersebut. Antara isi perbincangan yang dikemukakan itu ada yang disebutkan sepantas lalu tanpa membuat perbandingan mazhab. Hal itu disebabkan penulis merasakan ianya adalah satu perkara yang tidak banyak kepentingannya dengan

kesimpulan yang akan dibuat di akhir bab nanti. Beberapa perkara yang akan dicadangkan oleh penulis pada akhir bab akan dibincangkan terlebih dahulu secara mendalam di bab-bab sebelumnya.

Dengan kesimpulan yang dikemukakan nanti adalah diharapkan satu jalan keluar daripada sesetengah masalah yang dihadapi oleh anggota tentera dalam beramal dengan hukum-hakam ibadat dapat diterokai seterusnya membuka laluan kepada kajian-kajian lain yang mempunyai kepentingan dengan dunia ketenteraan.

ABSTRACT

In this study the writer intends to achieve a number of objectives. These include; to show the comprehensive nature of sharia which makes it relevant to all times and places and to prove that sharia possesses such a quality by looking at aspect of ruksah and its application in the military. As ruksah is the theme of this study it is inevitable that the principles of sharia be exposed so that it can be shown that each ruksah which is discussed in fiqh scholarship has indeed a basis in those principles. On the other hand all the examples and propositions provided in this study will be anchored to those principles so that their conformity to the fundamental teaching of Islam is ensured. In presenting the material the writer has divided the discussion into several chapters according to specific topics so that it will be easier for the readers to follow the argument that have been set out

The central issue of this study is the concept of ruksah in fiqh scholarship and its applicability within the military. To discuss this the writer has looked at the juristic opinions of the various schools of fiqh (Mazhab) with special attention to the four sunni madhabs. Such an emphasis is due to no other reason than the fact that the Muslim population in this country is predominantly Sunni. As such the literature covered in this study includes the major works of scholars from those madhahib , contemporary writings by modern fiqh scholars and writing on militarism. This is also supplemented with interviews with a number of prominent figures in the Malaysian Armed Forces.

With regard to the application of ruksah in the military, the study aims to find a solution to the problem of lack of enthusiasm in observing religious rituals within the army population due to ignorance as how to practice religion with ease which is a provision set out by Islam itself. The example of ruksah discussed in this study might well be those which are not unheard of in society after all. Nevertheless there is still a great deal of confusion among the general public and within the army population regarding when exactly such measures are allowed to be resorted to. Hence it is hoped that such an exposition will generate further investigations into aspect of the

performing of ibadah which can raise interest among the military personnel to enhance their religious observance

From another perspective the writer feels it an obligation to remove the confusions among the general public regarding the diversity of opinions in fiqh scholarship- a confusion which has indeed created a negative impression about Islam itself in certain quarters. Insistence on adherence to a simple madhab and dogmatic dismissal of opinions from other madhabs are certainly among the factors which had led to malaise and of development in fiqh scholarship despite claims that Islamic Jurisprudence is suitable for all times and places. As such an exposition of the concept of adherence to a madhab is provided and in it, the opinions of the major figures of the madhabs themselves regarding the matter are cited so that the public may learn what exactly are the factors which had led to the emergence of the madhabs in the first place.

When the diversity of opinions in fiqh scholarship is properly understood then it becomes easier for the issue of the application of ruksah in society at large and within the military community to be dealt with. So here the writer presents a number of ruksah which are deemed applicable within the army through an analysis of opinions offered in various madhab. Nevertheless if a given issue has no direct relevance to the main thesis of this study, such an issue will be mentioned only *en passant* without comparison of positions taken in the madhab.

In the conclusion the writer presents formulations which can hopefully provide solutions to some of the problems encountered in the military regarding the observance of the religious rituals. It is also hope that those formulations will open up areas for further fiqh research which has a bearing upon militarism.

	DAFTAR ISI	HALAMAN
ABSTRAK		ii
KANDUNGAN		vii
PENGHARGAAN		xiii
KAEDAH TRANSLITERASI		xv
SENARAI KEPENDEKAN		xvi
SENARAI LAMPIRAN		xviii
	PENDAHULUAN	xix
Latarbelakang kajian		xx
Objektif Kajian		xxii
Skop Kajian		xxvi
Methodologi Kajian		xxviii
Susunan Kajian		xxxii
	BAB SATU	
FIQH ISLAM, KESESUAIANNYA PADA SETIAP MASA DAN TEMPAT		1
Pendahuluan		1
1.1 Asas-asas Syariat Islam		5
1.1.1 Memelihara Kemaslahatan Umum		6
1.1.2 Kesederhanan dalam Amalan		8
1.1.3 Tidak Menyusahkan		10
1.1.3.1 Sebab Diangkat Kesempitan Daripada Manusia Dalam Soal Taklif		13
1.1.4 Bersifat Adil Pada Semua		14
1.2 Perkembangan Fiqh Islam		20
1.2.1 Pengenalan Fiqh		20
1.2.2 Sejarah Perkembangan Fiqh Islam		22
1.2.2.1 Ijtihad Di Zaman Rasulullah saw		23
1.2.2.2 Ijtihad Di Zaman sahabat r.a.		25
1.2.2.3 Ijtihad Di Zaman Tabi'in		28
1.2.3 Kemunculan Mazhab-mazhab		31

1.2.3.1 Mazhab Hanafi	34
1.2.3.2 Mazhab Maliki	35
1.2.3.3 Mazhab al-Syafi'i	37
1.2.3.4 Mazhab Hanbali	39
1.2.4 Pendirian Imam Mazhab Dalam Konteks Beramal Dengan Ijtihad Mereka	41
1.3 Talfiq Dan Taqlid	51
1.3.1 Pengertian Talfiq	52
1.3.2 Sejarah Talfiq	54
1.3.3 Hukum Talfiq	54
1.3.4 Hukum Bertaqlid Kepada Mazhab-mazhab	57
1.3.5 Memilih Pendapat Yang Mudah	66
1.4 Maksud-maksud Syariat (al-Maqasid al-Syar'iyyah)	70
1.4.1 Pengenalan	70
1.4.2 Jenis-jenis Maslahah	74
1.4.2.1 Al-Daruriyyat	75
1.4.2.2 Al-Hajiyat	77
1.4.2.3 Al-Tahsinat	78
1.4.3 Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah	79 ✓
1.4.3.1 Kemudarat Dihapuskan	82
1.4.3.2 Darurat Mengharuskan Yang Dilarang	83
1.4.3.3 Melakukan Mudarat Yang Lebih Ringan Kerana Menolak Mudarat Yang Lebih besar	85
1.4.3.4 Melaksanakan Mudarat Yang Khusus Untuk Menolak Mudarat Yang Umum	88
1.4.3.5 Darurat Ditentukan Mengikut Kadarnya	89
1.4.3.6 Kesulitan Membawa Pemudahan	91
1.4.3.7 Sesuatu Urusan Apabila Sempit Maka Ia Menjadi Luas	93
BAB DUA KONSEP AL-'AZIMAH DAN AL-RUKHSAH	97

Pendahuluan	97
2.1 Pengenalan Umum Rukhsah Dan ^c Azimah	99
2.2 Definisi ^c Azimah Dan Rukhsah	102
2.3 Hukum Rukhsah	119
2.3.1 Hukum Rukhsah Di Kalangan Ulama Al-Syafi'i	120
2.3.2 Hukum Rukhsah Di Kalangan Ulama Hanafi	123
2.3.3 Hukum Rukhsah Menurut Al-Syatibi	129
2.4 Kategori Rukhsah	135
2.5 Kesulitan Yang Melahirkan Rukhsah	138
2.5.1 Masyaqqah Yang Dibiasakan	138
2.5.2 Masyaqqah Yang Tidak Dibiasakan	143
2.5.2.1 Tahap Masyaqqah Berkaitan Ibadat	144
2.5.3 Masyaqqah Yang Menghasilkan Rukhsah	147
2.6 Keutamaan Antara Rukhsah Dan ^c Azimah	152
 BAB TIGA	
HUKUM-HUKUM AMALI BERBENTUK RUKHSAH	176
Pendahuluan	176
3.1 Rukhsah Menyapu Khuff	177
3.1.1 Hadith-hadith Pensyariatan Menyapu Khuff	178
3.1.2 Hukum Menyapu Khuff	179
3.1.3 Syarat Menyapu Khuff	180
3.1.4 Cara Menyapu Khuff	181
3.1.5 Tempoh Menyapu Khuff	182
3.1.6 Perkara Yang Membatalkan Penyapuan	183
3.1.7 Syarat Dan Ciri Khuff Menurut Fuqaha [']	184
3.2 Rukhsah Sembahyang Qasar Dan Jama ^c	202
3.2.1 Pengertian Sembahyang Qasar	203
3.2.2 sebab Keharusan Mengqasarkan Sembahyang	203
3.2.3 Dalil Pensyariatan Sembahyang Qasar	204

3.2.4 Hukum Mengqasarkan Sembahyang	209
3.2.5 Syarat Sembahyang Qasar	212
3.2.6 Sebab Tamatnya Kebenaran Mengqasar sembahyang	225
3.2.6.1 Mazhab-mazhab Ulama Tentang Bermukimnya Orang Musafir Di Suatu Tempat	229
3.3 Sembahyang Jama ^c	232
3.3.1 Sembahyang Yang Harus dan Tidak Harus Dijama ^c kan serta Dalilnya	232
3.3.2 Syarat Jama ^c Taqdim	235
3.3.3 Syarat Jama ^c Ta'khir	239
3.3.4 Sebab-sebab Dibenarkan Sembahyang Jama ^c	241
3.4 Rukhsah Berbuka Puasa Bagi Golongan Yang Uzur	247
3.4.1 Rukhsah Berbuka Puasa Bagi Orang Musafir	247
3.4.1.1 Keutamaan Antara Berbuka Dan Berpuasa Bagi Orang Musafir	252
3.4.2 Rukhsah Berbuka Puasa Bagi Orang Sakit	254
3.4.3 Rukhsah Berbuka Puasa bagi Orang Tua	256
3.4.4 Rukhsah Berbuka Puasa bagi Orang Yang Terlalu Lapar Dan Haus	257
3.4.5 Rukhsah Berbuka Puasa Bagi Orang Yang Melakukan Kerja Berat	257
3.5 Rukhsah Makan Makanan Haram Ketika Darurat	258
3.5.1 Batasan Keharusan Makan Makanan Yang Haram	259
3.5.2 Hukum Orang Bermusafir Dengan Tujuan Maksiat Makan Makanan Haram Ketika Darurat	265
3.6 Rukhsah Sembahyang Khawf Dan Syiddat al-khawf	270
3.6.1 Asas Pensyariatan Sembahyang Khawf Dan Syiddat al-khawf	272
3.6.2 Syarat Sembahyang Khawf	275
3.6.3 Cara Sembahyang Khawf	276
3.7 Sembahyang Syiddat al-Khawf	283
 BAB EMPAT LATIHAN DAN OPERASI DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA	289
Pendahuluan	289
4.1 Latihan Asas Dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera	290

4.1.1 Tujuan Latihan	291
4.1.2 Latihan Asas Ketenteraan	292
4.1.3 Latihan Pasukan Gerak Khas (Komando)	302
4.1.3.1 Kursus Asas Komando	304
4.2 Operasi Ketenteraan	308
4.2.1 Penglibatan ATM Dalam Misi Keamanan PBB	310
4.2.2 Peranan ATM Dalam Misi Keamanan PBB	314
4.2.3 Misi Keamanan Malbat 4/Malcon I	315
4.2.3.1 Penugasan Misi	317
4.2.3.2 Latihan semasa Operasi	323
4.2.3.3 Insiden Yang Perlu Ditangani Semasa Operasi	323
4.2.4 Peralihan Tugas PBB Kepada Tugas NATO	325
4.2.4.1 Perpindahan Malcon Ke KTJ Baru	327
4.2.4.2 Masalah Semasa Perpindahan	330
BAB LIMA ANALISIS RUKHSAH DALAM PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA	333
Pendahuluan	333
5.1 Rukhsah Menyapu But Anggota Tentera	335
5.1.1 Jenis-jenis But	336
5.1.2 Keharusan Menyapu But	339
5.2 Rukhsah Sembahyang jama ^c Dan Qasar	346
5.2.1 Menjama ^c kan Sembahyang Semasa Bukan Musafir	347
5.2.2 Menjama ^c kan Sembahyang Dalam Tempoh Melebihi Empat Hari	355
5.2.3 hukum-hukum Berbagai Berkaitan Anggota Tentera	358
5.3 Rukhsah sembahyang Khawf Dan Syiddat al-khawf	360
5.3.1 Melakukan Sembahyang Khawf	360
5.3.2 Sembahyang Syiddat al-khawf	361
5.3.3 tahap Kebimbangan Yang Membolahkan Sembahyang Syiddat al-khawf	365

5.4 Makan Makanan Haram Dalam Keadaan darurat Semasa Latihan	371
5.4.1 Batasan Kebenaran Makan Makanan Yang Haram	373
5.4.2 Jarakmasa Penentuan Adanya Kemudaratan	373
5.4.3 Tidak Boleh makan Makanan Haram Dengan Tujuan Membiasakan Diri	374
5.5 Berbuka Puasa Semasa Keuzuran	375
5.5.1 Berbuka Puasa Semasa Musafir	376
5.5.1.1 Bermusafir Sebelum Terbit Fajar	376
5.5.2 Berbuka Puasa Kerana Sakit/Kerja Berat	378
5.6 Talfiq Dalam Ibadat	378
BAB ENAM PENUTUP	382
6.1 Kesimpulan	382
6.2 Masalah Dan cadangan	400
6.2.1 cadangan Kepada Pihak Kerajaan	402
6.2.2 Cadangan Kepada ATM	403
6.2.3 Cadangan Kepada Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)	404
6.3 Penutup	405
Bibliografi	406
Lampiran 1	
Lampiran 1-A	
Lampiran 2	
Lampiran 2-A	
Lampiran 3	
Lampiran 3-A	

PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين، والصلوة والسلام على سيد المرسلين محمد صلى الله عليه

وسلم وعلى آله وأصحابه ومن تبع سنته إلى يوم يبعثون

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia taufik dan hidayahNya, dapat saya menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin. Disertasi yang bertajuk “*Perlaksanaan Rukhsah Dalam Ibadat: Satu Kajian Dalam Perkhidmatan Ketenteraan*” ini tidak mungkin dapat dihasilkan tanpa bantuan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Untuk itu, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menghulurkan bantuan dalam apa bentuk jua sehingga terlaksananya kajian ini dengan jayanya.

Untuk ayahanda dan bonda tercinta, Hj *Omar bin Hj Mustafa dan Hajah Zainab bt Mahmud yang merupakan guru pertama penulis samada dalam didikan kasih sayang maupun didikan akademik, Mudah-mudahan diberkati Allah dalam segenap suasana dan lapangan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia disertasi ini Yang Berbahagia Dr Anisah bt Abd Ghani yang banyak memberikan bimbingan, teguran, idea-idea serta dorongan kepada penulis untuk menyiapkan disertasi ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Prof Madya Mohd Salleh b. Hj Ahmad yang telah memberi galakan dan sokongan kepada penulis untuk memilih tajuk ini sebagai bahan kajian.

Penghargaan juga diberikan kepada kakitangan Jabatanarah Kor Agama Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur. Penghargaan khusus kepada Kol Hj Najmi bin Hj Ahmad, Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera yang memberi restu serta sokongan penuh kepada pegawai dan anggota di bawah naungan beliau untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Mej Hj Rusli bin Kadir, Pegawai Staf 2 Sel Penyelidikan Jabatanarah KAGAT, yang telah memberikan sokongan serta bantuan idea terutama bimbingan teknik penulisan semasa. Ucapan terima kasih juga kepada Mej Abu Hurairah bin Talib dari Kementerian Pertahanan (Bekas Pegawai Pergerakan Malbat 4 / Malcon 1) atas sumbangan bahan-bahan penting berkaitan operasi di Bosnia sehingga membolehkan dimuatkan dalam kajian ini.

Sekalung ingatan untuk isteri tercinta, Shabariah bt Rofie dan anak-anak tersayang Raihan, Ahmad Rafiq, Ahmad Rasyad dan Ahmad Rusydi yang sanggup berkorban kasih sayang dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Untuk anak-anakku, pahatkan dalam memori bahawa keagungan ilmu bukan dengan mengaut kekayaan dan menempa kemasyhuran.

Wassalam

Muhammad Ramzi bin Omar
Lot 1682, 9-A, Kg Changkat
68100 Gombak
Selangor Darul Ehsan

JADUAL KAEDEAH TRANSLITERASI

a	=	i	z	=	j	q	=	q
b	=	u	s	=	u	k	=	g
t	=	c	sy	=	sh	l	=	j
th	=	ch	s	=	ch	m	=	m
j	=	z	d	=	zh	n	=	n
h	=	h	t	=	th	w,o,u	=	y
kh	=	ch	z	=	th	h	=	h
d	=	d	c	=	u	'	=	e
dh	=	dh	gh	=	ch	i,y	=	iy
r	=	o	f	=	u			

© 2013 Penerjemah

VOKAL PANJANG

VOKAL PENDEK

ā	=	ī	a
ī	=	ü	i
ū	=	ö	u

DIPHTONGS

DOUBLED

aw	=	ɔ	uwwa	=	ɔ
ay	=	ɛ	iyya	=	ɛ

SENARAI KEPENDEKAN DAN ISTILAH

ARBiH:	Armija Bosni i Hercegovini (Tentera Darat Bosnia)
ATM:	Angkatan Tentera Malaysia
cet:	Cetakan
CPs:	Check Point S
FSMO:	Field Service Marching Order
hlm:	Halaman
HVO:	Hrvastke Vijeceodbrance (Majlis Pertahanan Croatia)
IFOR:	Implimentation Forces
JAKIM:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
jld:	Jilid
KTJ:	Kawasan Tanggungjawab
LLP:	Lain-lain Pangkat
MALBAT:	Malaysian Battalion
MALCON:	Malaysian Contingent
MINURSO:	United Nations Missions For The Referendum In Western Sahara
MONUA:	United Nations Observes Mission In Angola
NATO:	North Atlantic Treaty Organisations
PBB:	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PGKM:	Pasukan Pertama Gerak Khas Malaysia
PMAT:	Perintah Majlis Angkatan Tentera
PT:	Physical Training
r.a:	Radiyallāhu ¢Anhu

RAMD:	Rejimen Askar Melayu DiRaja
RRD:	Rejimen Renjer DiRaja
Saw:	Sallallāhu ^Alayhi Wasallam
swt:	Subhanahu Wa Ta^ala
t.t:	tiada tarikh
TDM:	Tentera Darat Malaysia
TLDM:	Tentera laut DiRaja Malaysia
TOA:	Transfer Of Authority
UMAVEM:	United Nation Angola Verfiation Mission
UNAMIC:	United Nation Mission In Cambodia
UNIIMOG:	United Nations Iran/Iraq Military Observe Mission
UNIKOM:	United Nations Iraq/Kuwait Observation Mission
UNMLOY:	United Nation Military Liaison Of Yugoslavia
UNMLT:	United nations Military Liaison Team
UNOC:	United Nations Operations In The Congo
UNOMIL:	United Nations Observer Mission In Liberia
UNOMOZ:	United Nations Operations In Mozambique
UNOSGI:	United Nations Office Of Seceratary General In Iraq
UNOSOM:	United Nations Operations In Somalia
UNPROFOR:	United Nations Protection Forces
UNSGRC:	united Nations Seceretary Generals Representative In Cambodia
UNTAC:	United Nations Transitional Authority In Cambodia
UNTAG:	United Nations Transition Assistance Group
VRS:	Vojalke Republic Srpske (Tentera Serb Bosnia)

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1- Spesifikasi But Kombat
- LAMPIRAN 1-A- Gambar But Kombat.
- LAMPIRAN 2- Spesifikasi But Kawad.
- LAMPIRAN 2-A- Gambar But Kawad.
- LAMPIRAN 3- Spesifikasi Wellington But.
- LAMPIRAN 3-A- Gambar Wellington But.

PENDAHULUAN

Konsep al-^cAzimah dan al-Rukhsah merupakan dua perkara pokok kepada perlaksanaan hukum-hakam ibadat dalam fiqh Islam. Ia merupakan tunjang yang dengannya dapat dikenalpasti faktor-faktor pengwajiban hukum secara mutlak dan pelonggarannya dalam sesetengah kes. Kepentingan untuk menterjemahkan semula nilai-nilai amalan dan hukum-hakam yang ditaklifkan terhadap setiap individu jarang mendapat tempat di kalangan mereka yang berkecimpung dalam fiqh Islam sejak akhir-akhir ini disebabkan oleh beberapa faktor.

Antara faktor-faktor itu ialah kesuburan perkembangan maklumat dan fatwa yang dikemukakan oleh fuqaha' silam menjadikan sumber rujukan kepada sesuatu kes secara spesifik melimpah ruah dan ia hanya memerlukan pengembelingan usaha dan tenaga daripada mereka yang berpotensi untuk menggali semula perbendaharaan ilmu dan fatwa tanpa perlu pemerasan akal yang semaksima mungkin melalui lapangan ijтиhad.

Selain itu permasalahan baru yang berhubungkait hukum-hakam ibadat jarang mendapat tempat untuk ditonjolkan kepada masyarakat awam. Ia bukanlah disebabkan ketiadaan perkara-perkara baru dalam hal ini akan tetapi ia berbalik kepada faktor pengabaian individu terhadap hukum-hakam itu sendiri sehingga ramai yang beranggapan tidak ada perkara baru yang timbul untuk diketengahkan sekurang-kurangnya ke lapangan ijтиhad juz'ie. Permasalahan baru yang ditimbulkan kebanyakannya bercorak umum dan berasaskan kepada hal-hal yang berhubungkait

dengan kehidupan manusia dalam berurusan. Barangkali inilah kes-kes yang paling banyak mendapat tempat di kalangan ilmuan Islam untuk diselidiki bagi mendapatkan natijah yang akan dikemukakan kepada tatapan umum. Kes-kes yang dimaksudkan kebanyakannya merangkumi persoalan hukum-hakam mu^cāmalāt yang tidak dapat dielakkan pembabitan masyarakat secara keseluruhannya.

Selain itu faktor kejahilan turut memberikan sumbangan kepada anggapan ketiadaan permasalahan baru yang disebutkan. Kejahilan manusia untuk mengenalpasti rukhsah-rukhsah syara^c menjadikan mereka terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama lebih cenderung untuk mempraktikkan agama mereka dalam bentuk ^cazīmah tanpa menghiraukan kondisi ^cazīmah itu sendiri samada ia lebih utama dipraktikkan atau sebaliknya. Kumpulan kedua ialah mereka yang lemah imannya mengambil sikap terus mengabaikan kewajipan-kewajipan syara^c yang ditaklifkan ke atas mereka dengan alasan yang begitu rapuh iaitu timbulnya kesukaran dan kepayahan bagi mengamalkan sesetengah kewajipan itu. Kejahilan mereka tentang adanya rukhsah dalam syariat Islam mungkin juga menjadi faktor tambahan kepada pengabaian terhadap taklif-taklif itu.

Latar Belakang Kajian

Salah satu daripada konsep umum dan prinsip asas yang dipakai dalam syariat Islam ialah prinsip kemudahan yang terdapat di dalamnya. Konsep ini merangkumi hukum-hakam yang ditekskan secara jelas melalui nas-nas syara^c atau yang distimbangkan oleh para fuqahā' mujtahidin. Ciri umum dalam syariat Islam ialah

bertoleransi dan berlembut dengan manusia. Ini bertujuan supaya tidak seorang pun dapat melepaskan diri daripada tanggungjawab dengan mengemukakan alasan bahawa hukum-hukum tersebut adalah sukar untuk dilaksanakan.

:

Konsep toleransi Islam mengambil kira segenap keadaan manusia samada ketika kuat atau lemah, aman atau perang, bermusafir atau bermukim dan ketika berada di tempat sendiri atau di tempat orang lain. Lantaran itulah Allah swt menurunkan syariat yang penuh keberkatan ini dengan mengambil kira kemampuan dan keupayaan manusia.

Ditinjau dari sudut dunia ketenteraan terutamanya yang membabitkan latihan dan operasi maka ia adalah berbeza daripada kehidupan masyarakat awam. Justeru itu dalam beberapa hal yang berkaitan dengan ibadat sudah pastilah beberapa ciri rukhsah yang dianggap tidak sesuai untuk dilaksanakan pada masa kini dengan alasan ketiadaan *illat* yang bersesuaian ada kemungkinan masih berterusan di kalangan anggota tentera. Hukum menyapu di atas khuff sebagai contohnya, jarang diamalkan oleh masyarakat pada hari ini berdasarkan kepada faktor kemudahan untuk menunaikan ibadat dalam bentuk *azimah* dan ketidaksesuaian ciri-ciri khuff yang ada pada hari ini dengan keterangan yang termuat dalam kitab-kitab fiqh yang berasaskan kepada suatu mazhab tertentu. Alasan ini ada benarnya jika berdasarkan kefahaman bahawa rukhsah yang terbit daripada hukum ini disebabkan oleh kesulitan atau darurat yang timbul di kalangan pemakai khuff. Persoalannya apakah *illat* keharusan menyapu itu berdasarkan kepada rukhsah yang berkaitan dengan darurat atau semata-mata kerana adanya hajat untuk memakai khuff.

Susulan daripada perbezaan pandangan dalam menanggapi konsep rukhsah ialah timbulnya perselisihan pendapat di kalangan fuqahā' mazhab untuk mengkategorikan sesuatu hukum samada ianya berkaitan dengan rukhsah atau sebaliknya. Ekoran daripada itu masyarakat bagaikan terpaksa berpegang kepada sesuatu mazhab walaupun dalam keadaan kesulitan yang amat ketara kerana kejihilan untuk meneroka fiqh Islam dalam bentuknya yang fleksible. Kesulitan-kesulitan yang berkaitan dengan hukum-hakam ibadat kadangkala menjadi bertambah disebabkan faktor-faktor yang berkait dengan individu dan profesion yang dilaluinya terutamanya anggota tentera yang menilai masa dan tindak-tanduk dalam operasi sebagai sangat berharga.

Rentetan daripada persoalan ini maka satu kajian dalam bentuk perbandingan dan analisis perlu dilakukan memandangkan pandangan tentang konsep rukhsah itu sendiri kadangkala terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama-ulama uṣūl dalam menentukan batasan-batasan rukhsah syara'

Kepentingan Kajian Dan Objektifnya

Kepentingan dan objektif kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:

Penulisan aspek rukhsah dalam fiqh Islam merupakan satu perkara yang sangat penting. Justeru itu adalah sangat wajar para penulis memberikan perhatian mereka dalam bidang ini dengan menganggap bahawa penemuan aspek-aspek rukhsah

yang boleh diimplimentasikan dalam sesetengah bidang semasa adalah satu usaha yang menjadi kebiasaan para ilmuan Islam dalam menangani keperluan hidup beragama di kalangan anggota masyarakat.

:

Kajian tentang aspek-aspek rukhsah dalam bidang ketenteraan khususnya ketenteraan di Malaysia dianggap masih belum memenuhi keperluan sebenar yang dikehendaki oleh para anggota tentera. Kebanyakan kajian yang dilakukan adalah lebih bercorak ke arah pengukuhan organisasi ATM dari sudut pentadbiran, sistem pertahanan dan keanggotaan yang menjadi teras kepada pertahanan negara semata-mata. Namun apabila dilihat dari perspektif agama Islam ternyata belum terdapat kajian sebegini memandangkan kealpaan masyarakat tentang terdapatnya beberapa aspek dalam kitab-kitab silam yang masih rasional untuk diamalkan di peringkat ATM.

Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 9/91 yang disusun khusus berkaitan dengan aspek-aspek keagamaan pada zahirnya telah memberikan peruntukan yang sangat meluas kepada anggota tentera untuk menghayati agama Islam dengan lebih sempurna dan praktikal. Namun sejauh mana keberkesanan Perintah yang diikeluarkan masih di tahap yang tidak selesa di mana hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pegangan agama di kalangan anggota tentera masih terlalu rapuh. Sebagaimana masyarakat awam yang lain memandang aspek-aspek ibadat kadangkala menyusahkan mereka untuk dilaksanakan disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran maka begitulah juga halnya yang terjadi di kalangan masyarakat tentera. Rendahnya kualiti penghayatan agama di kalangan anggota disebabkan oleh berbagai faktor

samada faktor persekitaran, pendidikan, tekanan kerja dan sebagainya. Namun paksi kepada faktor-faktor tersebut sebenarnya ialah kelemahan iman dan rendahnya tahap pengetahuan tentang hal ehwal agama di kalangan mereka.

:

Faktor ini bertambah kuat dengan cara halatuju masyarakat masakini yang semakin terdedah kepada mengejar kemajuan dunia kadaangkala menyebabkan timbul anggapan meleset bahawa beberapa aspek dalam agama adalah membebankan mereka. Justeru itu penjelmaan sebenar tentang hakikat pemudahan dan rukhsah yang sedia ada dalam fiqh Islam perlu ditonjolkan sebagai salah satu penyelesaian kepada kemunduran beragama di kalangan sesetengah masyarakat dewasa ini. Adalah tidak dinafikan bahawa rata-rata masyarakat Islam dapat menerima teori yang disogokkan kepada mereka iaitu agama Islam sebagai agama yang mudah dan tidak menyusahkan. Namun penerimaan setakat pengakuan ini didapati bertentangan dengan tindak-tanduk anggota masyarakat. Pada masa yang sama teori yang disogokkan ini hanya berbentuk maklumat yang terawang tanpa dijelmakan melalui hakikat sebenarnya iaitu dengan cara mempraktikkan teori-teori tersebut agar kemudahan yang disebutkan merupakan kemudahan yang realiti samada dari sudut teori maupun praktikal.

Selain itu kajian ini merupakan satu percubaan untuk menyingkap sebahagian pandangan-pandangan fuqahā' dalam berbagai aliran dan mazhab fiqh yang suatu ketika dahulu pernah diamalkan oleh sesetengah golongan manusia samada dalam bentuk ijtihad atau taqlid serta menampilkan semula pandangan-pandangan tersebut di tengah-tengah masyarakat pada masa ini sebagai laluan bagi mewujudkan suasana gemar beramal dengan tuntutan agama.

Secara umumnya kajian ini mempunyai kepentingan memastikan ibadat yang dilakukan oleh anggota tentera dalam sesetengah keadaan yang di luar daripada kebiasaan masyarakat awam adalah seajar dengan tuntutan syara^c dan selari dengan al-Maqāṣid al-Syarīyyah. Sejauh manakah pengamalan rukhsah-rukhsah yang kedapatan dalam syariat Islam menepati kehendak dan polisi syara^c sebagaimana yang dapat difahami daripada al-Quran dan al-Sunnah dan yang terdapat dalam penghuraian yang dibuat oleh para fuqahā'.

Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan satu penjelasan tentang kaedah-kaedah yang dipakai oleh ulama-ulama uṣūl dalam menentukan ciri-ciri rukhsah yang diiktibarkan oleh syara^c. Dengan melihat kepada kaedah-kaedah yang mereka kemukakan memungkinkan kita untuk menyelesaikan persoalan-persoalan baru yang timbul dalam urusan fiqh semasa khususnya berkaitan amalan harian manusia iaitu dalam konteks fiqh ibadat mereka.



Kajian ini juga bertujuan mendapatkan penjelasan tentang hukum bertaqlid, talfīq, memilih pendapat yang mudah dalam hukum-hukum syara^c melalui keterangan para fuqahā' dengan menggabungkan fatwa-fatwa dari berbagai pendapat ulama silam dan mutakhir dan mencari pandangan-pandangan yang bertepatan dengan nas syara^c dan bersesuaian dengan al-Maqāṣid al-Syarīyyah. Di samping itu ia juga berperanan menonjolkan ciri-ciri keistimewaan fiqh Islam dari sudut kesesuaiannya pada setiap masa dan tempat. Pada masa yang sama ia turut bertujuan mendedahkan unsur-unsur negatif daripada keterikatan sesetengah golongan dengan mazhab dan pandangan

ulama tertentu sehingga menyebabkan lunturnya semangat untuk memperdalami sebanyak mungkin ilmu pengetahuan Islam di mana tertutupnya pintu ijihad bukan kerana halangan oleh syara^c malah disebabkan kejumudan umat Islam sendiri.

:

Dengan objektif tersebut adalah diharapkan bebewrpa saranan dan cadangan dapat dikemukakan ke arah penghayatan beberapa aspek rukhsah dalam ibadat yang semakin ditinggalkan oleh umat Islam pada hari ini.

Skop kajian

Bidang kajian ini adalah berkaitan dengan aspek rukhsah dan perlaksanannya dalam perkhidmatan ketenteraan. Kajian ini ditumpukan kepada beberapa contoh rukhsah yang kebanyakannya terserlah untuk dipraktikkan dalam dunia ketenteraan berbanding dengan masyarakat awam. Kajian ini juga ditumpukan kepada hukum-hakam yang terdapat dalam naṣ-nas syara^c dan analisa kepada pendapat ahli-ahli fiqh Islam.

100% QURAYSH

Selain itu kajian ini turut meninjau kepada sandaran-sandaran hukum yang dibincangkan oleh ulama-ulama fiqh dan uṣūl untuk mencari kesepadanannya bagi dipraktikkan oleh individu muslim terutamanya di kalangan anggota tentera. Ia juga sebagai laluan untuk menampilkkan bahawa konsep kemudahan dan al-Maqāṣid al-syarīyah itu sebenarnya merupakan salah satu asas yang melahirkan rukhsah-rukhsah syara^c.

Kajian ini juga melihat kepada pandangan para fuqahā' dalam menentukan status rukhsah terhadap sesuatu hukum. Untuk tujuan ini seluruh kaedah yang ada kaitannya dengan rukhsah dalam perbincangan ilmu usul diketengahkan bertujuan untuk mengenalpasti "illat yang digunakan oleh para fuqahā' samada ianya merupakan pendapat yang berbentuk logik akal semata-mata atau berdasarkan kepada sandaran-sandaran nas yang sahih. Lantaran itu satu perbandingan pandangan dalam sesuatu kes perlu dilakukan sehingga akhirnya dapat ditarjihkan pendapat yang paling bertepatan dengan dalil di mana jika ianya berkaitan dengan perkhidmatan ketenteraan maka ia dijadikan sebagai cadangan untuk diimplementasikan oleh mereka tanpa terikat dengan belenggu taqlid yang tidak berdasarkan kepada sandaran-sandaran yang kukuh.

Kajian ini juga mengetengahkan isu tentang taqlīd dan talfīq dengan membongkarkan fatwa-fatwa oleh para fuqahā' berkaitan dengannya. Ia bertujuan untuk mengenalpasti samada fatwa-fatwa tersebut merupakan fatawa mutlak berdasarkan kepada ketetapan nas yang sahih atau masih tergantung kepada faktor persekitaran dan zaman. Ia juga menampilkan kebenaran tentang fakta bahawa kecenderungan yang terlalu beku terhadap sesuatu mazhab memberikan kesan lunturnya pencapaian ilmu di kalangan umat Islam.

Kadangkala terdapat sikap yang sangat negatif di kalangan pengikut-pengikut sesuatu mazhab sehingga menimbulkan anggapan bahawa pendapat sesetengah imam berdasarkan kredibilitinya adalah merupakan pendapat yang tidak boleh disanggahi

sama sekali walaupun pada hakikatnya ia adalah bertentangan dengan apa yang dianjurkan oleh imam-imam mazhab itu sendiri.

Kajian ini turut memuatkan latar belakang ketenteraan di Malaysia dan operasi serta latihan yang terdapat dalam perkhidmatan ketenteraan. Ia bertujuan menggambarkan dengan jelas perbezaan dunia ketenteraan berbanding masyarakat awam dan kemungkinan faktor-faktor kesulitan yang boleh melahirkan hukum-hukum rukhsah sesuai dengan tajuk kajian ini.

Metodologi Kajian

Sifat kajian ini bergantung kepada kajian gabungan antara usūl fiqh dan hukum fiqh serta persesuaianya dengan permasalahan yang timbul dalam Angkatan Tentera. Dalam kajian ini penulis berpegang kepada sumber-sumber utama dan sumber-sumber kedua.

100%

i. Sumber-sumber utama. Ia terbahagi kepada dua bahagian:

- a. Hasil-hasil tulisan ulama silam berkaitan ilmu usūl fiqh dan al-Qawā'id al-Fiqhiyyah
- b. Hasil-hasil tulisan ulama silam dan semasa berkaitan persoalan yang akan diketengahkan dalam ilmu fiqh.

ii. **Sumber kedua**. Ialah berdasarkan kepada pengalaman yang dilalui dalam Angkatan Tentera, temuramah anggota tentera, arahan-arahan pentadbiran dan sesetengah penulisan yang berkaitan dengan Angkatan Tentera Malaysia.

:

Dalam mengupas tajuk kajian ini penulis telah membuat rumusan terhadap teori-teori fiqh dan ijtihad para fuqahā' dengan dipadankan kepada realiti yang berlaku pada masa kini. Sebagai asas perbincangan kepada tajuk yang dikemukakan penulis menampilkan tentang fiqh Islam, sejarah dan latar belakangnya sebagai laluan awal ke arah mengaitkannya dengan salah satu elemen yang terdapat dalam fiqh Islam itu sendiri iaitu konsep rukhsah yang menjadi persoalan pokok dalam kajian ini.

Seterusnya penulis membincangkan tentang rukhsah itu sendiri dengan mengemukakan pentakrifan, dan segala perkara yang berkaitan dengannya sebagai laluan untuk mengetengahkan contoh-contoh rukhsah secara terperinci pada perbincangan yang seterusnya.

.....

Dalam perbincangan seterusnya penulis memuatkan contoh-contoh rukhsah yang dimuatkan oleh para fuqahā' di dalam kitab mereka di mana contoh-contoh yang dipilih akan dijadikan sebagai ukuran untuk melihat manakah aspek yang boleh dilaksanakan secara khusus atau sekurang-kurangnya yang ada kaitan secara langsung dengan profesi ketenteraan. Penulis tidak terikat untuk membentangkan contoh-contoh rukhsah yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh dengan melakukan dalam bentuk perbandingan mazhab. Lantaran itu pada sesetengah contoh penulis mengemukakannya dalam ruanglingkup satu mazhab dan ada yang dikemukakan

dalam bentuk mengetengahkan pendapat berbagai mazhab. Memandangkan sifat kajian ini ialah untuk melakukan penemuan beberapa aspek rukhsah yang boleh dilaksanakan dalam bidang ketenteraan maka kajian ini tidak dilakukan secara stereotaip dengan mentarjihkan kesemua persoalan yang dikemukakan, malah adakalanya penulis melakukan tarjih dan adakalanya membiarkan persoalan khilafiyah itu dalam bentuk kepelbagaiannya pandangannya. Ini disebabkan tujuan asal kajian ini ialah untuk menemukan rukhsah-rukhsah yang boleh diamalkan dalam Angkatan Tentera sebagai satu penyelesaian kepada dua bentuk halatuju di kalangan masyarakat seperti yang disentuh oleh penulis dalam menghuraikan permasalahan kajian ini.

Memandangkan tujuan kajian ini ialah untuk diketengahkan kepada masyarakat tentera maka penulis menganggap bahawa kajian ini ialah sebagai salah satu jawapan yang dikemukakan terhadap orang awam. Oleh itu dalam kemelut masyarakat pada hari ini yang semakin goyah pegangan agamanya penulis bersetuju dengan pandangan sesetengah ulama yang menggalakkan para pendakwah atau orang yang menjadi tempat rujuk menyelesaikan persoalan yang dialami dengan mengutamakan konsep kemudahan yang lebih menggemarkan dan bukannya penyukaran yang menjauhkan. Namun begitu ianya adalah tidak terkeluar daripada kaedah pengamalan hukum yang diterima pakai oleh umat ini sejak dahulu iaitu samada melalui ijтиhad atau taqlid. Penulis berpandangan sekalipun dalam seesetengah kes penulis memilih pendapat yang minoriti di kalangan ulama namun ia adalah dalam batasan keharusan berdasarkan status kebanyakan kita yang tidak sampai ke tahap berijtihad dalam ke semua hal.

Antara fakta-fakta penting yang terkandung dalam kajian ini ialah pengemukaan contoh-contoh kesukaran yang lalui oleh masyarakat tentera samada dalam latihan atau operasi. Sebagai contohnya penulis telah membentangkan bentuk-bentuk latihan yang dilalui oleh anggota tentera. Kesemua bentuk latihan yang dikemukakan itu bukanlah bermaksud yang kesemuanya mempunyai unsur kesukaran yang menghasilkan hukum rukhsah tertentu dalam sesuatu ibadat. Namun disebabkan adanya perkaitan antara satu bentuk latihan dengan latihan yang lain maka penulis menyebutkan semua bentuk latihan yang dilalui sebagai menampakkan dengan lebih jelas gambaran sebenar yang terdapat dalam latihan-latihan di kalangan anggota tentera.

Contoh-contoh latihan seperti latihan kawad, latihan berjalan jauh, latihan perjalanan berpandu kompas, kursus asas komando yang merangkumi latihan peringkat hutan, peringkat long march dan peringkat paya merupakan bentuk-bentuk latihan yang boleh dikenalpasti adanya kesukaran-kesukaran yang menepati ciri-ciri untuk mendapatkan rukhsah dalam sesetengah hukum-hakam fiqh amali. Di sana terdapat latihan-latihan yang lain yang tidak menjangkau kesukaran yang melahirkan rukhsah seperti latihan PT harian, latihan merempuh halangan dan latihan menembak.

Dalam operasi pula ada aspek-aspek yang melahirkan rukhsah dalam sesetengah ibadat yang hendak dilakukan. Penglibatan anggota tentera dalam misi PBB dan NATO yang mencakupi penugasan kawalan di pos sempadan, penugasan rondaan, penugasan baik pulih infrastruktur, penugasan bekalan lojistik, penugasan

menangani insiden semasa operasi, perpindahan ke lokasi baru, kesemuanya mempunyai unsur-unsur masyaqqah yang melahirkan hukum rukhsah dalam berbagai contoh yang dikemukakan. Justeru itu penulis telah memuatkan contoh-contoh rukhsah tersebut dan dipadankan dengan bentuk penugasan yang telah disebutkan.

Susunan Kajian

Penulisan ini disusun berdasarkan enam bab. Dalam bab pertama penganalisaan telah dibuat tentang konsep fiqh Islam dan kesesuaianya pada setiap masa dan tempat. Ini bertujuan untuk menggariskan satu kefahaman yang jelas tentang kaitan rukhsah-rukhsah syara^c dengan asas-asas yang terdapat dalam syariat Islam. Memandangkan kebanyakan pembuktian tentang kemudahan syariat Islam adalah berdasarkan hukum-hukum amalinya atau lebih dikenali dengan hukum-fiqh maka pemilihan fiqh Islam diutamakan dalam tajuk ini berbanding syariat Islam yang lebih umum dan menyeluruh kepada semua aspek termasuk aspek amali dan iktikad. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah isu tentang bermazhab, konsep taqlid dan talfiq, al-Maqāṣid al-Syarīyyah dan al-Qawā'id al-Fiqhīyyah.

Kesemua isu ini disebutkan kerana ia mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan isu rukhsah yang akan dibincangkan seterusnya.

Dalam bab kedua penulis membincangkan tentang konsep rukhsah dan azīmah sebagai salah satu elemen yang menjadi bukti kesederhanaan syariat Islam.

Perbincangan dimulakan dengan pengenalan umum konsep rukhsah dan ^cazimah dengan disusuli pengemukaan takrif-takrif rukhsah dan ^cazimah dan analisis daripada takrif tersebut supaya gambaran tentang kehendak rukhsah yang sebenar dapat ditonjolkan. Walaupun bab ini membincangkan tentang rukhsah dan ^cazimah namun penekanan lebih ditumpukan kepada rukhsah kerana ia adalah berkaitan dengan tajuk penulisan ini. Bab ini juga menyentuh tentang faktor-faktor rukhsah, kategori rukhsah dan hukum rukhsah serta keutaman antara rukhsah dan ^cazimah.

Dalam bab tiga membincangkan secara langsung tentang contoh-contoh rukhsah. Aspek-aspek rukhsah yang disebutkan kebanyakannya berkait dengan hukum fiqh ibadat. Lima contoh rukhsah telah dipilih untuk dibincangkan iaitu rukhsah menyusu khuff, rukhsah sembahyang qaṣar dan jama^c, rukhsah berbuka puasa, rukhsah makan makanan yang haram dean rukhsah sembahyang khawf dan syiddatulkawf. Pemilihan lima contoh rukhsah ini adalah bagi membuktikan yang ianya dapat diimplimentasikan dalam dunia ketenteraan seperti yang akan disimpulkan pada bab yang akhir.

Bab empat membincangkan tentang operasi dan latihan dalam Angkatan tentera Malaysia sebagai laluan ke arah mendapatkan gambaran sebenar kelainan perkhidmatan ketenteraan berbanding perkhidmatan awam. Ia juga bertujuan menunjukkan sesetengah keadaan yang menimbulkan kesulitan serta menjadi faktor diberikan rukhsah-rukhsah syara^c. Dalam bab ini penekanan diberikan kepada Latihan Asas dalam Angkatan Tentera, Latihan Asas Komando dan operasi yang dijalankan dalam Angkatan Tentera. Memandangkan terdapat banyak operasi yang dilalui dalam

Angkatan Tentera maka bab ini memfokuskan kepada satu operasi secara khusus iaitu penglibatan ATM dalam Misi PBB/NATO di Bosnia dengan mengambil misi Malbat 4 sebagai contohnya.

:

Bab lima merupakan keputusan analisis yang dibuat iaitu hasil perbincangan tentang konsep rukhsah dan latihan serta operasi dalam ATM. Bab ini menonjolkan secara khusus aspek-aspek rukhsah yang boleh dikaitkan dengan Angkatan Tentera melalui contoh-contoh yang dikemukakan dalam bab tiga.

Bab enam merupakan penutup dan kesimpulan serta cadangan yang dikemukakan berkaitan tajuk yang dibincangkan. Keseluruhan maklumat yang hendak disampaikan melalui penulisan ini disimpulkan dengan gambaran yang ringkas melalui bab enam dan beberapa masalah dan cadangan dikemukakan bagi mengambil manfaat daripada kajian ini.

2010/01/20